

Ketetapan Umum No. 1/2002

POTONGAN UNTUK HUTANG LAPUK & HUTANG RAGU DAN LAYANAN KE ATAS PEMULIHAN

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini diguna pakai berhubung dengan potongan untuk hutang lapuk dan hutang ragu menurut seksyen 34 dan layanan ke atas pemulihan menurut seksyen 30 **Akta Cukai Pendapatan 1967** . Ia berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2002 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini menjelaskan berkenaan:

- 2.1 potongan untuk hutang lapuk [*rujuk perenggan 4.1*];
- 2.2 potongan untuk hutang ragu [*rujuk perenggan 4.2 & 4.3*];
- 2.3 pencukaian ke atas pemulihan [*rujuk perenggan 4.4*] yang timbul dari hutang lapuk yang telah dibenarkan potongan cukai dalam tahun terdahulu; dan
- 2.4 lain-lain perkara yang berkaitan.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNA PAKAI

3.1 Hutang Lapuk

3.1.1 *Am*

Hutang perdagangan yang dihapus kira sebagai lapuk pada amnya dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan kasar dalam mengira pendapatan larasan perniagaan bagi tempoh asas sesuatu tahun taksiran [*TT*].

3.1.2 *Asas menghapus kira hutang sebagai lapuk*

Untuk menghapus kira hutang perdagangan sebagai lapuk, pertimbangan dari pihak orang [*rujuk perenggan 4.5*] yang menjalankan perniagaan itu diperlukan. Semua perkara berhubung hutang itu seperti peluang pemungutan dan kos pemungutan perlu diambil kira sebelum keputusan diambil untuk menghapus kira hutang itu.

3.1.3 *Langkah diambil untuk memungut semula hutang*

A. Semua langkah-langkah wajar berdasarkan pertimbangan komersial yang kukuh [*rujuk perenggan 4.6*] hendaklah diambil untuk memungut semula hutang. Bagi menyokong tuntutan potongan hutang lapuk yang dihapus kira untuk tujuan cukai, hendaklah terdapat bukti yang mencukupi mengenai langkah-langkah yang telah diambil, termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut:

- a. mengeluarkan notis peringatan;
- b. skim penstrukturan semula hutang;
- c. penjadualan semula penyelesaian hutang;
- d. rundingan atau penimbangtaraan ke atas hutang yang dipertikaikan; dan
- e. tindakan undang-undang (memfail guaman sivil, memperoleh penghakiman daripada mahkamah dan melaksanakan penghakiman itu).

B. Langkah-langkah yang perlu diambil bergantung kepada saiz hutang dan / atau keberkesanan kos yang dijangkakan bagi setiap tindakan. Jika keputusan diambil untuk tidak meneruskan tindakan bagi memulih hutang, maka alasan-alasan itu perlu didokumentasikan.

C. Untuk menyokong tuntutan potongan bagi tujuan cukai, keputusan yang dibuat hendaklah berdasarkan pertimbangan komersial yang sah dan bukan yang berbentuk peribadi, persendirian atau lain-lain sebab. Ianya boleh dikatakan sebagai asas yang munasabah jika boleh ditunjukkan bahawa kos yang dijangkakan untuk mengambil tindakan undang-undang adalah terlalu tinggi berbanding dengan amaun hutang itu.

D. Untuk melayakkan potongan bagi tujuan cukai, hendaklah dikemukakan juga bukti yang menunjukkan:

- a. bahawa setiap hutang itu telah dinilai secara berasingan;

b. bila dan siapa yang menilaikan hutang itu; dan

c. apakah maklumat khusus yang telah digunakan dalam membuat penilaian tersebut.

3.1.4 **Keadaan-keadaan di mana hutang boleh dianggap sebagai lapuk**

Setelah langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk memungut semula hutang [*rujuk perenggan 3.1.3 di atas*], hutang itu boleh dianggap sebagai lapuk jika berlaku salah satu daripada perkara yang berikut:

A. siberhutang telah meninggal dunia tanpa meninggalkan apa-apa aset dari mana hutang boleh dipungut semula;

B. siberhutang ialah seorang muflis atau sedang dalam proses pembubaran dan tiada aset dari mana hutang boleh dipungut semula;

C. hutang itu telah dikenakan larangan statut;

D. siberhutang tidak dapat dikesan walaupun pelbagai percubaan telah dilakukan dan tiada aset miliknya yang diketahui dari mana hutang boleh dipungut semula;

E. percubaan rundingan atau penimbangtaraan hutang yang dipertikaikan telah gagal dan kos yang dijangkakan bagi litigasi tidak menggalakkan; atau

F. apa-apa keadaan lain di mana tidak terdapat kemungkinan kos pemungutan semula yang berkesan.

3.1.5 ***Hutang telah diambil kira dalam pendapatan kasar***

Untuk melayakkan potongan bagi tujuan cukai, hutang itu hendaklah merupakan amaun hutang yang telah dimasukkan kira dalam pendapatan kasar seseorang untuk tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan atau tahun taksiran yang terdahulu.

Contoh 1

Syarikat A Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat pemborong, membekalkan barangan dengan jumlah nilai RM10,000 pada pelbagai tarikh dalam tahun 2002 kepada Pasar Mini B. Beberapa bayaran berjumlah RM6,500 diterima. Adalah didapati kemudiannya bahawa pasar mini itu telah ditutup dan pemilik tunggalnya tidak dapat dihubungi. Oleh kerana siberhutang telah tidak dapat dikesan walaupun lawatan dilakukan ke alamat premis perniagaan dan kediamannya yang terakhir diketahui, syarikat membuat keputusan untuk menghapus kira hutang ini di dalam akaun untung rugi dalam tahun berakhir 31.12.2002.

Suatu potongan boleh dibenarkan ke atas amaun hutang sebanyak RM3,500 oleh kerana hutang itu terbit dari transaksi yang telah diambil kira dalam pendapatan kasar dan semua langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk memungut semula hutang itu.

Contoh 2

Syarikat C Sdn. Bhd. mengambilalih perniagaan runcit satu perkongsian yang sedia wujud. Di antara aset-aset yang diambilalih termasuklah hutang perdagangan yang berjumlah RM30,000. Dalam tempoh dua tahun pertama operasinya, syarikat itu berjaya memungut kesemua hutang yang diambilalih dari perkongsian, kecuali hutang sebanyak RM1,000 oleh kerana siberhutang tidak dapat dikesan. Syarikat itu membuat keputusan untuk menghapus kira hutang tersebut dalam akaun untung rugi pada tahun kedua perniagaannya.

*Walaupun hutang itu pada asalnya merupakan hutang perdagangan dalam akaun perkongsian, amaun itu merupakan hutang bukan perdagangan bagi syarikat (terbit daripada pengambilalihan aset perkongsian dan bukan dari transaksi yang telah dimasukkan kira dalam pendapatan kasar syarikat). Oleh itu, amaun RM1,000 yang dihapus kira sebagai hutang lapuk **tidak boleh** dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan. Manakala, amaun pemulihan sebanyak RM29,000 tidak sepatutnya dikenakan cukai.*

3.1.6Kekecualian bagi pinjaman yang dilakukan dalam keadaan biasa perniagaan

Syarat bahawa hutang itu perlu dimasukkan kira dalam pendapatan kasar seseorang sebelum ianya boleh dihapus kira [rujuk perenggan 3.1.5] **tidak boleh** diguna pakai dalam kes di mana orang itu secara lazimnya

memberi pinjaman atau pendahuluan dalam keadaan biasa perniagaannya (misalnya, seorang pemberi pinjam wang). Bagi kes sedemikian, kedua-dua faedah (yang telah dimasukkan kira sebagai pendapatan kasar perniagaan) dan pinjaman (yang telah diberikan dalam keadaan biasa perniagaan) hendaklah dianggap sebagai hutang di mana, sekiranya dihapus kira sebagai lapuk setelah dipertimbangkan kesemua keadaan, perlu dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.

3.2 Peruntukan tertentu untuk hutang ragu

3.2.1 *Am*

Di mana terdapat asas yang munasabah (berdasarkan pertimbangan komersial yang sah dan bukan berbentuk peribadi, persendirian atau lain-lain sebab) untuk menyatakan bahawa pemulihan sesuatu hutang perdagangan itu diragukan, satu peruntukan tertentu boleh dibuat pada akhir tempoh perakaunan untuk amaun hutang yang dijangka tidak dapat dipulihkan. Amaun yang ditentukan dengan munasabah sebagai tidak dapat dipulihkan [*rujuk perenggan 3.2.3*] boleh dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan kasar untuk tempoh asas yang berkenaan.

3.2.2 *Hutang telah dimasukkan kira dalam pendapatan kasar*

Untuk melayakkan potongan bagi tujuan cukai, hutang itu hendaklah merupakan amaun hutang yang telah dimasukkan kira sebagai pendapatan kasar seseorang untuk tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan atau tahun taksiran yang terdahulu. [*Rujuk Contoh 1 di perenggan 3.1.5 bagi pengesahan berhubung aspek ini .*]

3.2.3 *Penyediaan peruntukan tertentu*

- A. Penyediaan peruntukan tertentu untuk hutang ragu memerlukan penentuan berhubung kemungkinan pemungutan semula setiap hutang. Ini perlu dilakukan pada akhir tempoh perakaunan yang berkenaan (iaitu pada atau sejurus selepas tarikh penutupan akaun).
- B. Untuk melayakkan potongan bagi tujuan cukai, hendaklah terdapat bukti yang menunjukkan:

- a. bahawa setiap hutang telah dinilai secara berasingan;
 - b. bagaimana tahap keraguan hutang itu telah dinilai;
 - c. bila dan siapa yang menilaikannya; dan
 - d. apakah maklumat tertentu yang diguna pakai dalam membuat penilaian tersebut.
- C. Perkara-perkara yang diambil kira untuk tujuan penilaian hutang sebagai hutang ragu hendaklah merangkumi:
- a. tempoh di mana hutang itu belum dijelaskan;
 - b. kedudukan kewangan terkini siberhutang; dan
 - c. rekod kredit siberhutang
- D. Bagi setiap hutang ragu, bahagian tertentu atau amaun hutang yang dianggap sebagai ragu hendaklah ditentukan selepas mengambil kira perkara-perkara berikut:
- a. sejarah hutang lapuk orang itu;
 - b. pengalaman bagi perdagangan / industri berkenaan; dan / atau
 - c. analisis umur hutang itu.
- E. Tertakluk kepada perenggan 3.2.4, agregat peruntukan tertentu bagi setiap hutang terdiri daripada peruntukan tertentu untuk hutang ragu perniagaan itu bagi tahun yang layak diberikan potongan.

3.2.4 *Kenaikan atau pengurangan dalam peruntukan tertentu*

Di mana peruntukan tertentu untuk hutang ragu telah dibuat bagi tempoh perakaunan yang tertentu dan amaun itu telah dibenarkan dalam tempoh asas yang berkenaan untuk tahun taksiran tertentu [*rujuk perenggan 3.2.3*], dan terdapat perubahan amaun peruntukan tertentu dalam tahun berikutnya:

- A. pengurangan (dalam amaun kenaikan dalam peruntukan tertentu) hendaklah dibuat atas pendapatan kasar bagi tahun berikutnya; atau
- B. tambahan (dalam amaun pengurangan dalam peruntukan tertentu) hendaklah dibuat kepada pendapatan kasar bagi tahun berikutnya.

-

Contoh 3

Syarikat D Sdn. Bhd. membuat peruntukan tertentu untuk hutang ragu sebanyak RM3,500 bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30.06.2001. Untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30.06.2002, peruntukan tertentu untuk hutang ragu ialah RM4,300. Dalam akaun untung rugi, syarikat menunjukkan bahawa peruntukan tertentu sebanyak RM3,500 bagi tahun berakhir 30.06.2001 dan kenaikan dalam peruntukan tertentu sebanyak RM800 (RM4,300 - RM3,500) bagi tahun berakhir 30.06.2002.

Tertakluk bahawa syarat-syarat dinyatakan dalam perenggan 3.2.1, 3.2.2 & 3.2.3 telah dipenuhi, peruntukan tertentu yang dibuat dalam akaun boleh dibenarkan bagi tahun-tahun yang berkenaan dan tiada pelarasan diperlukan dalam pengiraan cukai [rujuk perenggan 4.7] .

Contoh 4 Syarikat E Sdn. Bhd. membuat peruntukan tertentu untuk hutang ragu sebanyak RM3,500 bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30.06.2001. Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30.06.2002, peruntukan tertentu dikurangkan kepada RM2,000 disebabkan beberapa bayaran telah diterima. Pengurangan dalam peruntukan tertentu sebanyak RM1,500 (RM3,500 - RM2,000) ditunjukkan sebagai 'peruntukan tertentu ditambah balik' dalam akaun untung rugi.

Tiada pelarasan diperlukan dalam pengiraan cukai oleh kerana pengurangan dalam peruntukan tertentu sebanyak RM1,500 adalah dikenakan cukai.

3.3 Keadaan-keadaan di mana hapus kira atau peruntukan tidak dibenarkan sebagai potongan

3.3.1 Peruntukan am bagi hutang ragu

A. Peruntukan am yang dibuat berkaitan dengan hutang ragu (misalnya, berdasarkan peratus jumlah jualan atau kesemua hutang perdagangan) tidak boleh dibenarkan bagi tujuan cukai, walaupun terdapat keperluan undang-undang atau konvensyen perakaunan bagi perdagangan atau industri tertentu untuk membuat peruntukan tersebut.

B. Apa-apa kenaikan dalam peruntukan am tidak boleh dibenarkan dan apa-apa pengurangan tidak dikenakan cukai.

C. Pelarasan perlu dibuat dalam pengiraan cukai untuk mana-mana

peruntukan am tersebut dalam akaun untung rugi.

3.3.2 *Memaafkan atau menghapuskan pembayaran hutang*

Keputusan untuk memaafkan atau menghapuskan pembayaran hutang perdagangan (sama ada kesemuanya atau sebahagiannya) tidak sepatutnya dianggap sebagai pertimbangan perniagaan atau komersial yang sah bagi tujuan cukai. Amaun sedemikian **tidak boleh** dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai.

Contoh 5

Syarikat F Holdings Sdn. Bhd. sedang berunding berhubung pengambil alihan salah satu subsidiarinya, Syarikat G Sdn. Bhd., oleh konsortium peniaga-peniaga. Atas permintaan konsortium dan untuk memudahkan rundingan tersebut, pengarah-pengarah Syarikat F Holdings Sdn. Bhd. membuat keputusan untuk memaafkan hutang terkumpul atas akaun barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Syarikat G Sdn. Bhd. berjumlah RM100,000. Surat yang memberi maksud ini (dilampirkan sesalinan resolusi Pengarah) dikeluarkan kepada Syarikat G Sdn. Bhd., yang kemudiannya bertindak untuk menghapuskan hutang itu dalam kunci kira-kiranya bagi tahun berakhir 30.09.2002. Dalam akaun bagi tahun berakhir 30.09.2002, Syarikat F Holdings Sdn. Bhd. menghapus kira amaun itu sebagai hutang lapuk.

*Dalam pengiraan cukai bagi tahun taksiran yang berkenaan, Syarikat F Holdings Sdn. Bhd. **tidak boleh** dibenarkan potongan ke atas amaun yang dihapus kira oleh kerana alasan dibuat atas sebab-sebab selain daripada keadaan biasa sesuatu perniagaan dan berdasarkan pertimbangan selain daripada kemungkinan pemungutan semula hutang.*

Dalam akaun Syarikat G Sdn. Bhd., kemaafan hutang itu, mengikut konvensyen perakaunan biasa, hendaklah ditunjukkan dalam akaun untung rugi. Tiada pelarasan diperlukan dalam pengiraan cukai oleh kerana amaun yang ditambah balik adalah dikenakan cukai, kerana ia merupakan pengurangan dalam kos barangan dan perkhidmatan yang dahulunya dituntut sepenuhnya dalam akaun untung rugi.

3.3.3 *Hutang bukan perdagangan*

Hutang bukan perdagangan [*rujuk perenggan 4.8*] yang dihapus kira sebagai lapuk, atau peruntukan tertentu atau am dibuat berkaitan

dengan hutang bukan perdagangan yang diragukan, tidak boleh dibenarkan potongan dalam pengiraan pendapatan larasan. Begitu juga, pemulihan berkaitan dengan hutang bukan perdagangan yang dihapus kira terlebih dahulu tidak dikenakan cukai. Pelarasan bersesuaian hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai jika amaun tersebut dimasukkan kira dalam akaun untung rugi.

3.4 Hutang daripada orang yang mempunyai hubungan atau berkaitan

3.4.1 Apa-apa keputusan untuk menghapus kira (atau untuk menghapus dengan apa cara lain pun) atau untuk membuat peruntukan tertentu bagi hutang perdagangan yang belum dibayar daripada orang yang mempunyai hubungan atau berkaitan [*rujuk perenggan 4.9*] hendaklah dikenakan pemeriksaan ketat sebelum boleh dipertimbangkan potongan bagi tujuan cukai.

3.4.2 Sebagai tambahan kepada semua syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan 3.1 atau 3.2, masing-masing, hendaklah juga terdapat keterangan yang membuktikan bahawa keputusan dibuat berdasarkan asas selengan [*rujuk perenggan 4.14*] dan alasan-alasan perniagaan atau komersial yang sah [*rujuk perenggan 4.6*], dan bukannya atas asas peribadi, persendirian atau lain-lain alasan bukan komersial

Contoh 6

Syarikat H Holdings Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan pengasingan warna dan lain-lain perkhidmatan sampingan kepada salah satu subsidiarinya, Syarikat J Printers Sdn. Bhd.. Berdasarkan akaun deraf bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31.10.2002, Syarikat J Printers Sdn. Bhd. dijangka akan menanggung kerugian besar berkaitan dengan perniagaan percetakannya. Untuk menghindarkan publisiti yang merugikan, pengarah-pengarah Syarikat H Holdings Sdn. Bhd. (yang juga merupakan pengarah-pengarah Syarikat J Printers Sdn. Bhd.) membuat keputusan untuk melepaskan bayaran berjumlah RM20,000 daripada jumlah amaun terhutang oleh syarikat subsidiari dari akaun perkhidmatan yang telah diberikan. Syarikat J Printers Sdn. Bhd. dimaklumkan berkenaan perkara ini melalui surat dan ia bertindak untuk mencerminkan perkara ini dalam akaun terakhirnya di mana keuntungan yang kecil ditunjukkan. Dalam akaun untung rugi Syarikat H Holdings Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31.10.2002, amaun telah dihapus kira sebagai 'diskaun perdagangan'.

Amaun yang dihapus kira tidak boleh dibenarkan dalam pengiraan cukai Syarikat H Holdings Sdn. Bhd. bagi tahun taksiran berkenaan oleh kerana tiada asas komersial bagi 'diskaun' tersebut dan keputusan itu

tidak boleh sama sekali dianggap sebagai dilakukan secara selengan memandangkan wujud pertalian di antara kedua-dua syarikat itu dan status pengarah-pengarahnya.

Tiada pelarasan perlu dibuat dalam pengiraan cukai Syarikat J Printers Sdn. Bhd. oleh kerana diskaun itu telah diberi layanan yang betul dari segi perakaunan dan cukai.

Contoh 7

Encik K, pemborong barangan runcit, telah membekalkan barangan secara tetap kepada Encik L, pekedai barangan runcit, bagi tempoh 25 tahun kebelakangan. Dalam tempoh pertalian hubungan perniagaan yang sekian lama, mereka telah menjadi kawan karib. Pada tahun 1993, Encik L berkahwin dengan adik Encik K. Sejak tahun 1998, perniagaan Encik L telah mengalami kemerosotan berterusan (di antara lainnya disebabkan pembukaan pasar raya di kawasan sekitar) dan dalam tahun 2002, Encik K membuat keputusan untuk menghapus kira keseluruhan amaun hutang terkumpul Encik L (yang telah disaman oleh beberapa sipiutang lain).

*Memandangkan pertalian mereka sebagai ipar-duai, keputusan oleh Encik K untuk menghapus kira hutang Encik L hendaklah dianggap sebagai lebih cenderung kepada alasan peribadi dan bukannya alasan komersial yang sah dan oleh itu, **tidak boleh** dibenarkan potongan bagi tujuan cukai.*

Jika sekiranya, boleh ditunjukkan bahawa kedudukan kewangan siberhutang menjadi alasan untuk membuat keputusan itu (misalnya, Encik L telah pun diputuskan sebagai seorang muflis pada masa keputusan untuk menghapus kira hutang dibuat), maka potongan boleh dibenarkan oleh kerana hapus kira itu adalah berdasarkan pertimbangan komersial yang sah.

Contoh 8

Syarikat M Sdn. Bhd. menghapus kira RM15,000 dalam akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31.07.2002, yang merupakan hutang perdagangan syarikat subsidiarinya Syarikat N Sdn. Bhd., yang telah dibubarkan dan dalam tempoh yang sama telah dibatalkan pendaftarannya.

Oleh kerana hutang perdagangan itu dihapus kira disebabkan semata-mata oleh kedudukan kewangan siberhutang (pembubaran Syarikat N Sdn. Bhd.), amaun boleh dibenarkan walau apa pun pertalian di antara kedua-dua syarikat.

3.5 Pemulihan

Peruntukan tertentu dan am tidak mengubah amaun terhutang dalam akaun-akaun siberhutang; akan tetapi, hutang lapuk yang dihapus kira mengurangkan baki dalam akaun siberhutang yang berkenaan. Oleh itu, apa-apa pemulihan hutang perdagangan, yang dahulunya dihapus kira sebagai lapuk hendaklah ditunjukkan dalam akaun untung rugi dalam tempoh di mana ianya diterima. Jika pemulihan itu tidak dimasukkan dalam akaun untung rugi tetapi sebaliknya dimasukkan dalam akaun rezab atau lain-lain akaun, pelarasan diperlukan dalam pengiraan cukai.

Contoh 9

Syarikat P Sdn. Bhd. menghapus kira RM2,700 yang merupakan hutang perdagangan Encik Q (telah meninggal dunia) bagi tahun berakhir 30.09.2002. Dalam tahun kewangan yang sama, syarikat menerima RM2,000 daripada Encik R, yang mana hutang perdagangannya telah dihapus kira dan dibenarkan bagi tujuan cukai tiga tahun yang lepas disebabkan beliau tidak dapat dihubungi pada masa itu.

Amaun RM2,700 yang dihapus kira sebagai hutang lapuk dibenarkan sebagai potongan dan pemulihan sebanyak RM2,000 perlu dicukai. Jika kedua-dua amaun ini ditunjukkan dalam akaun untung rugi bagi tahun berakhir 30.09.2002, tiada pelarasan diperlukan dalam pengiraan cukai. Jika pemulihan sebanyak RM2,000 tidak dimasukkan dalam akaun untung rugi, pelarasan untuk amaun itu hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai.

3.6 Penyelesaian hutang perdagangan dengan aset

3.6.1 Hutang boleh diselesaikan melalui perampasan aset yang digunakan sebagai jaminan kepada hutang itu atau dengan aset (seperti harta tanah atau syer dalam syarikat) yang diberikan sebagai pertukaran untuk hutang itu. Dalam kes sedemikian, hasil kutipan bersih dari penjualan aset atau nilai pasaran aset yang ditukarganti ialah nilai yang perlu diambil sebagai amaun penyelesaian hutang itu.

3.6.2 Apa-apa baki hutang yang belum dijelaskan boleh dituntut sebagai hutang lapuk jika salah satu keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 3.1.4 dipenuhi.

Contoh 10

Syarikat T Development Sdn. Bhd., sebuah pemaju hartanah yang memiliki banyak stok rumah yang belum dijual, berhutang sebanyak RM300,000 kepada Syarikat S Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembinaan. Selepas beberapa rundingan dan memandangkan siberhutang itu

mengalami masalah aliran tunai yang teruk, Syarikat S Sdn. Bhd. bersetuju untuk menerima sebuah rumah kedai yang siap dibina (yang mana Syarikat T Development Sdn. Bhd. biasanya menjual dengan harga sebanyak RM280,000) sebagai pembayaran penuh hutang itu. Walau bagaimanapun, sejourus selepas perjanjian dicapai, pasaran untuk hartanah telah merosot secara mendadak. Setelah penyempurnaan pindahmilik, Syarikat S Sdn. Bhd. membuat keputusan untuk tidak menjual rumah kedai itu dengan serta merta. Sebaliknya, rumah kedai itu disewakan. Dalam dokumen pindahmilik hartanah itu, harga balasan ditunjukkan sebagai RM280,000 dan duti setem berdasarkan nilai tersebut telah ditaksirkan dan dijelaskan. Dalam akaun untung rugi, Syarikat S Sdn. Bhd. menghapus kira RM20,000 (RM300,000 - RM280,000) sebagai hutang lapuk.

Hapus kira sebanyak RM20,000 boleh dibenarkan untuk tujuan cukai oleh kerana nilai pasaran aset yang diterima sebagai tukarganti hutang ialah RM280,000, seperti yang dibuktikan penerimaan nilai itu oleh Pemungut Duti Setem.

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud Ketetapan ini:

- 4.1 "Hutang lapuk" ialah hutang yang dianggap sebagai tidak boleh dipungut semula selepas langkah-langkah bersesuaian diambil untuk memungutnya.
- 4.2 "Peruntukan tertentu untuk hutang ragu" bermaksud penentuan yang wajar berkaitan amaun sesuatu hutang yang diragukan boleh dipulih.
- 4.3 "Peruntukan am untuk hutang ragu" bermaksud anggaran amaun yang diragukan boleh dipulih, biasanya dibuat tanpa penilaian berasingan untuk setiap hutang dan dikira sebagai peratus kesemua hutang atau jumlah jualan atau lain-lain asas am.
- 4.4 "Pemulihan" adalah wang atau aset diterima berkaitan dengan hutang perdagangan yang dihapus kira sebagai lapuk dalam tempoh terdahulu.
- 4.5 "Orang" termasuklah syarikat, koperasi, individu, keluarga sekutu Hindu, amanah, pentadbir harta pesaka, kelab dan pertubuhan.

- 4.6 "Pertimbangan perniagaan atau komersial" merujuk kepada maklumat, faktor dan keadaan-keadaan yang mana-mana orang lain dalam perniagaan seseorang dan / atau jawatan yang bertindak secara selengan [*rujuk perenggan 4.14*] akan pertimbangkan dalam membuat keputusan perniagaan atau komersial.
- 4.7 "Pengiraan cukai" bermaksud pengiraan pendapatan larasan, pendapatan statutori, pendapatan agregat, dan / atau jumlah pendapatan sejajar dengan keperluan Bab 4, 5 dan 6 Akta dan, di mana konteks membenarkan atau memerlukan, termasuklah lembaran kerja, penyata-penyata, jadual-jadual, pengiraan dan lain-lain dokumen sokongan yang menjadi asas kepada penyediaan penyata cukai pendapatan.
- 4.8 "Hutang bukan perdagangan" bermaksud hutang selain daripada yang ditetapkan dalam perenggan 3.1.5 dan 3.1.6.
- 4.9 "Orang yang mempunyai hubungan atau berkaitan" bermaksud mana-mana orang yang berkedudukan untuk mempengaruhi atau dipengaruhi oleh orang yang lain itu dengan apa cara yang ketara atau ke tahap yang agak besar, atau untuk mengawal atau dikawal oleh orang yang lain itu, dan termasuklah:
- 4.9.1 Dalam kes individu: waris [*rujuk perenggan 4.10*], sekutu [*rujuk perenggan 4.11*] atau orang yang dikawal oleh waris atau sekutu itu;
- 4.9.2 Dalam kes syarikat: pengarah [*rujuk perenggan 4.12*], syarikat berkaitan [*rujuk perenggan 4.13*] atau pengarah, waris pengarah, atau orang yang mengawal atau dikawal oleh syarikat itu;
- 4.9.3 Dalam kes perkongsian: ahli kongsi, waris ahli kongsi, atau orang yang mengawal atau dikawal oleh ahli kongsi itu;
- 4.9.4 Dalam kes koperasi: ahli Lembaga, jawatankuasa atau lain-lain badan yang mengawal badan koperasi itu, atau orang yang mengawal atau dikawal oleh badan koperasi itu;
- 4.9.5 Dalam kes lain-lain badan, pertubuhan atau kumpulan orang: orang yang memiliki kuasa mengarah atau mengawal pengurusan perniagaan

atau perjalanan perniagaan, termasuklah pentadbir; benefisiari; karta; ahli Lembaga, jawatankuasa, anggota atau lain-lain badan yang mengawal; pemegang amanah; atau orang yang mengawal atau dikawal oleh badan, pertubuhan atau kumpulan orang itu.

4.10 "Waris", berkaitan dengan orang, termasuklah

4.10.1 pasangan;

4.10.2 ibu bapa atau datuk / nenek;

4.10.3 anak (termasuk anak tiri atau anak angkat) atau cucu;

4.10.4 adik-beradik lelaki atau perempuan;

4.10.5 bapa atau emak saudara;

4.10.6 anak saudara lelaki atau perempuan;

4.10.7 sepupu.

4.11 "Sekutu", berkaitan dengan orang, bermaksud:

- A. waris [*rujuk perenggan 4.10*] orang itu;
- B. syarikat di mana orang itu ialah pengarahnya;
- C. orang yang merupakan ahli kongsi kepada orang itu; atau
- D. jika orang itu adalah syarikat, pengarah atau subsidiari syarikat itu dan pengarah syarikat subsidiari itu.

4.12 "Pengarah" termasuklah orang yang menduduki jawatan pengarah atau orang yang mana arahan-arahan atau perintah-perintahnya menjadi kelaziman bagi pengarah atau staf syarikat itu untuk bertindak.

4.13 "Syarikat berkaitan" bermaksud keadaan di mana satu syarikat

memegang tidak kurang dari 20% syer biasa atau syer keutamaan syarikat yang lain itu.

4.14 "Asas selengan" merujuk kepada keadaan-keadaan, keputusan-keputusan atau hasil-hasil yang boleh dicapai jika orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa hubungan atau kaitan membuat rundingan di antara satu sama lain secara bebas dan jauh daripada pengaruh peribadi.

(Tarikh Keluaran: (2 April 2002)